



LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar di **Negeri Perlis** sahaja yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Pejabat Pengurus Wilayah I, KM 2 Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis** pada **17 Mac 2026** sehingga jam **12:00** tengahari.

BUTIRAN SEBUTHARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
<p>KERJA-KERJA PENGUKUHAN TEBING BAN KIRI SUNGAI KANGAR (KAMPUNG SUNGAI BAKONG) SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, PPK C-I, KANGAR, WILAYAH I, MADA.</p> <p>SEBUTHARGA NO. MADA(SH)/BPPP/ MARRIS-M/15/2026</p>	<p>10 Mac 2026 (Selasa) Jam 10.00 pagi</p> <p>Pendaftaran : Jam 9.00 pagi hingga 9.45 pagi</p> <p>Berkumpul di Pejabat Pengurus Wilayah 1, KM. 2, Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis.</p> <p>Lawatan Tapak adalah WAJIB kepada pemilik sahaja dengan membawa bersama sijil/lesen ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat lawatan tapak.</p>	<p>Gred G1 Kategori CE</p> <p>Pengkhususan CE21 dan CE36 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)</p> <p>dan Sijil Pematuhan Cukai Tahun 2026 (Tax Compliance Certificate -TCC) Berstatus Patuh</p>	<p>RM 10 (Satu Set)</p> <p>Bayaran tidak dikembalikan</p>	<p>17 Mac 2026 (Selasa) Jam 12.00 tengahari</p>

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Pejabat Pengurus Wilayah I, KM 2 Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis** mulai **10 Mac 2026 (Selasa)** sehingga **17 Mac 2026 (Selasa)** sehingga jam **12.00** tengahari pada waktu dan hari bekerja.
3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera** serta **Sijil Pematuhan Cukai** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.

4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.
5. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran boleh dibuat dengan kaedah seperti berikut:
 - a. Pembayaran secara tunai ; ATAU
 - b. Pembayaran atas talian

Pembayaran melalui cek tidak akan diterima

6. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor sebutharga dan memasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Pejabat Pengurus Wilayah I, KM 2 Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis**. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh : 8/3/2026

Tandatangan :
Nama
Jawatan


MOHD FARIZAN BIN MOHD YUSOF
Pegawai
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
(MADA)